

"DARI Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalamah dengannya dan berjabat tanganlah dengannya dan suruhlah dia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Ta'ala (doanya adalah dimakbulkan)".
- Riwayat Al-Imam Ahmad

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 SUBUH 4.46 SYURUK 6.11 DUHA 6.35 ZUHUR 12.24 ASAR 3.50 MAGHRIB 6.35 ISYAK 7.51 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 77

26 JUN 2024 / 1445 ذوالحجہ 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

KEBAWAH DYMM MENERIMA MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Warkah Persilaan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim untuk berangkat ke Majlis Pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke XVII yang akan diadakan pada 20 Julai 2024. - Foto : Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman (Lihat muka 3).

Berkenan menerima mengadap

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap

Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi.

>> Muka 5

Kepulangan jemaah haji penerangan kedua

■ Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 25 Jun. - Jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi penerangan kedua yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4224 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini kira-kira jam 9.06 pagi, hari ini.

Selain kaum keluarga, sanak-saudara serta sahabat handai, kepulangan seramai 252 orang jemaah haji dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Turut mengalau-alukan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan isteri; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri; dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

>> Muka 9



Berita Utama



BKISHHB tumpuan lawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Muka 9



PUPUK pemahaman,
penghayatan terhadap konsep
ASEANness

Muka 13



MESYUARAT bincang
pelaksanaan projek, aktiviti
ADGSOM-ATRC

Muka 19



RENCANA
HASILKAN terbitan berkualiti

Muka 22

Dedahkan Ahli Pandu Puteri kepada produk boleh dipasarkan

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamu'alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaaatuhi,
Bismillahir Rahmani Rahim

ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua membolehkan kita semua hadir di majlis ini.

Pertama sekali, saya amat berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan acara

Tech Changemakers ini.

Saya difahamkan bahawa kerjasama strategik antara Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam dengan syarikat IT tempatan, adalah untuk memastikan program yang ditawarkan berbentuk pendidikan dan interaktif dengan menggabungkan sains dan teknologi.

Saya juga difahamkan bahawa, Pandu Puteri kita juga akan belajar antaranya, mengenai Genetic Influences, Explore DNA Mode, Solar Oven dan membuat sabun dan kristal mereka sendiri. Aktiviti-aktiviti ini diharap akan memberi kefahaman kepada

Pandu Puteri kita tentang proses produksi daripada bahan mentah kepada produk yang boleh dipasarkan.

Perjalanan kerjasama, inovasi dan tujuan yang dikongsi bersama yang ditunjukkan hari ini harus diteruskan dan saya berharap lebih ramai rakan strategik kita akan tampil untuk bekerjasama demi kebaikan gadis dan masyarakat.

Dengan kalimah, *Bismillahir Rahmani Rahim*, saya rasmikan acara ini.

Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaaatuhi.



**SAYA juga difahamkan bahawa,
Pandu Puteri kita juga akan belajar antaranya, mengenai Genetic Influences, Explore DNA Mode, Solar Oven dan membuat sabun dan kristal mereka sendiri. Aktiviti-aktiviti ini diharap akan memberi kefahaman kepada Pandu Puteri kita tentang proses produksi daripada bahan mentah kepada produk yang boleh dipasarkan.**

Perjalanan kerjasama, inovasi dan tujuan yang dikongsi bersama yang ditunjukkan hari ini harus diteruskan dan saya berharap lebih ramai rakan strategik kita akan tampil untuk bekerjasama demi kebaikan gadis dan masyarakat.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda pada Perasmian Tech Changemakers pada Ahad 23 Jun 2024 di Park View Hotel, Kampung Jerudong.

WAKTU SEMBAHYANG												
Jun	MASIH	HARI	Zulhijah	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	RABU	19	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51		
27	KHAMIS	20	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51		
28	JUMAAT	21	4 . 37	4 . 47	6 . 11	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52		
29	SABTU	22	4 . 37	4 . 47	6 . 12	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52		
30	AHAD	23	4 . 37	4 . 47	6 . 12	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52		
1	ISNIN	24	4 . 37	4 . 47	6 . 12	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52		
2	SELASA	25	4 . 38	4 . 48	6 . 12	6 . 37	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong		
33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait		
33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

26 JUN 2024

Bina daya tahan siber ASEAN

KEMAJUAN dalam ekonomi digital telah menyaksikan pertumbuhan yang sepadan dalam jenayah siber apabila penggunaan digital mengatasi celik digital dan kesedaran siber, justeru memanfaatkan transformasi digital, membina daya tahan siber di rantau ASEAN adalah sangat penting.

Semakin kita berhubung dan bergantung kepada teknologi digital, semakin itu juga kita akan mudah terdedah dengan ancaman landskap siber yang terus berkembang dan oleh itu, organisasi dan individu mesti terus mengukuhkan pertahanan dan mengamalkan langkah keselamatan proaktif untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut.

Acaman siber menjadi semakin kompleks dan canggih terutamanya dalam era Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dan kesan daripada serangan siber juga boleh menjadi teruk dengan berlakunya kerugian ekonomi, pelanggaran maklumat peribadi dan yang lebih penting ialah kepercayaan yang semakin menurun khususnya dalam sistem digital.

Oleh yang demikian, memandangkan adanya cabaran tersebut, justeru, membina daya tahan siber di ASEAN bukan sekadar satu pilihan tetapi ia adalah satu keperluan untuk keselamatan dan ekonomi.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menyampaikan ucaptamanya yang bertajuk 'Membina ASEAN Berdaya Tahan Siber' pada The Tripartite Forum 2024 yang diadakan di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei baru-baru ini.

Dalam ucaptamanya juga menjelaskan bahawa ketahanan siber merujuk kepada keupayaan kita untuk bersedia, bertindak balas dan pulih daripada serangan siber dan ia melibatkan sahaja melindungi sistem dan data akan tetapi ia juga memastikan kesinambungan operasi dan meminimumkan kerosakan sekiranya berlaku insiden yang tidak diingini.

"Mencapai daya tahan siber memerlukan pendekatan holistik, melibatkan kerjasama yang mendalam antara kerajaan, sektor swasta, orang awam, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan."

"Setiap daripada kita mempunyai peranan untuk dimainkan dalam memastikan keselamatan keseluruhan ruang digital kita," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

ASEAN telah secara proaktif mengukuhkan usaha daya tahannya di rantau ini dengan satu langkah penting iaitu dengan terbentuknya penubuhan dan pelaksanaan Strategi Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN 2021-2025.

Justeru, Negara Brunei Darussalam melalui Keselamatan Siber Brunei (CSB) terus meningkatkan kesedaran terhadap ancaman-ancaman jenayah siber malah negara juga telah mencapai kemajuan yang ketara dalam penyelarasaran dasar, termasuk penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Keselamatan Siber ASEAN (ASEAN Cybersecurity Coordinating Committee - ASEAN Cyber - CC). - Ketua Penyuntingan (Zk).

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

YANG DI-PERTUAN AGONG BERANGKAT BALIK

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Kebawah DYMM menerima mengadap Yang di-Pertuan Agong



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Sultan Ibrahim di Istana Nurul Iman yang pada masa ini berada di Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan Warkah Persilaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seterusnya beredara ke Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap.

Semasa Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyembahkan Warkah Persilaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk berangkat ke Majlis Pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke XVII yang akan diadakan pada 20 Julai 2024.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Cheradi Ratna Otika.

Juga berangkat ke Majlis Mengadap dan Majlis Santap Tengah Hari berkenaan ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim (kiri), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Cheradi Ratna Otika. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM.

MAJLIS PERSANTAPAN RAIKAN KUNJUNGAN MUHIBAH YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari sempena Kunjungan Muhibah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi ke negara ini (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari sempena Kunjungan Muhibah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan

Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi ke negara ini.

Majlis Persantapan berkenaan berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama ke majlis berkenaan
ialah paduka-paduka anakanda dan
adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdu Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah bint Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdu Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Sebelum Majlis Persantapan Tengah Hari bermula, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Japad.

Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri berada di negara ini bagi mengadakan Kunjungan Muhibah selama tiga hari.



BERANGKAT sama ke majlis berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.



TURUT berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Hajah Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (atas kanan, kiri dan bawah kanan).

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri), manakala gambar kiri sekali, antara yang berangkat dan hadir pada mailis berkenaan.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Majlis Mengadap berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah kerabat diraja.

Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta rombongan

berada di negara ini bagi mengadakan Kunjungan Muhibah selama tiga hari bermula kelmarin dan berakhir pada esok hari.

Antara yang menyertai rombongan ialah Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Setiausaha Kerajaan Sarawak, Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki.

Kunjungan Muhibah tersebut adalah yang pertama sejak Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak Kelapan pada 29 Januari lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambahan.



TURUT berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Juga hadir, rombongan dari Negeri Sarawak (atas dan bawah).



BERANGKAT sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala rombongan dari Negeri Sarawak disertai oleh Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Setiausaha Kerajaan Sarawak, Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki (atas dan kanan).

BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KEBERANGKATAN TIBA YANG DI-PERTUAN AGONG

Oleh : Srinarawie Bidzah
 Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pagi tadi berkenan berangkat ke Negara Brunei Darussalam bagi menyembahyangkan Warkah Persilaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



Yang di-Pertua Negeri Sarawak menamatkan Kunjungan Muhibah



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak berserta rombongan.

YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak berserta rombongan.

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak berserta rombongan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring, dan isteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad



Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri. Sebelum menaiki pesawat, TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota ABDB.

TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri serta rombongan berada di negara ini bagi Kunjungan Muhibah selama tiga hari bermula 23 Jun lalu.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan tertutup)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja





PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Mernaudu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)





PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan ✓ pada jawatan sekaran / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**





PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL


- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**





PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



TINJAU, KENALI SEJARAH NBD

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin



YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar and isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi semasa menaiki kapal persiaran, MV Sentosa bagi menelusuri sebahagian Sungai Brunei (kiri) dan menandatangani Buku Lawatan semasa mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah Brunei (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar and isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi dalam Siri Kunjungan Muhibah ke

negara ini berkesempatan membuat lawatan ke beberapa buah tempat bersejarah di negara ini.

Ketibaan rombongan Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah pagi tadi ke Pusat Sejarah Brunei

dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

TYT dan isteri serta rombongan memulakan lawatan dengan mengunjungi Dewan Pameran Salasilah iaitu galeri yang mengandungi salasilah-salasilah mempunyai perkaitan penting dengan sejarah Negeri Brunei antaranya asal-usul bangsa di dunia, salasilah para nabi, rasul, sahabat dan imam, nasab Sultan-sultan Brunei.

Seterusnya di Galeri Koleksi Manuskrip Borneo pula, TYT dan rombongan menyaksikan pameran manuskrip-manuskrip yang terdiri daripada beberapa dokumen

bertarikh sekitar tahun 1846-1932 iaitu ketika zaman pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien II, Sultan Abdul Momin, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, Sultan Muhammad Jamalul Alam II dan Sultan Ahmad Tajuddin.

Galeri Sejarah Brunei Tua mengandungi informasi berkaitan dengan Sejarah Brunei Tua atau Sejarah Awal Brunei. Keterangan yang paling awal sekali tentang kewujudan Brunei Tua diperoleh daripada sumber China mengenai Pulau Borneo (Po-li atau Po-ni). Manakala sumber tempatan diperoleh daripada Syair Awang Semaun.

Sementara Galeri Era Kegemilangan Brunei pula mengetengahkan semasa Brunei mencapai era kegemilangan ketika zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei Kelima (1485-1524) dan seterusnya Sultan-sultan selepas baginda iaitu Sultan Abdul Kahar dan Sultan Saiful Rijal.

Rombongan selanjutnya melawat Galeri Perlembagaan yang mengandungi rentetan peristiwa penting tentang sejarah

awal Perlembagaan Negeri Brunei hingga kepada Pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959 dan kemudiannya melawat Pameran Tiga Dekad Negaraku Brunei Darussalam.

TYT juga menandatangani Buku Lawatan diikuti dengan penyerahan salasilah dan cenderamata dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai sebelum meninggalkan PSB.

Sejurus dari PSB, TYT dan isteri berserta rombongan menuju ke Queen Elizabeth Jetty di Kampung Sungai Matan untuk menaiki kapal persiaran, MV Sentosa bagi menelusuri sebahagian Sungai Brunei.

Sambil mendengarkan penerangan sejarah sepanjang Sungai Brunei, TYT dan isteri juga berkesempatan merakamkan kenangan bergambar dengan berlatarkan persekitaran Kampong Ayer termasuk Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha selain menyaksikan keunikan perumahan di atas air yang terbesar di Asia Tenggara yang diberikan gelaran 'Venice of the East'.



YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi dan isteri semasa mendengarkan penerangan.

Keadaan cuaca aktif mulai 26 hingga 29 Jun ini

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga September.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya adalah agak stabil dengan kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa monsun peralihan.

Keadaan angin secara amnya akan bertiup dari arah Barat Daya semasa tempoh berkenaan.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bagi beberapa hari yang akan datang mulai petang Rabu, 26 Jun 2024 sehingga malam Sabtu, 29 Jun 2024, dengan hujan lebat berangin kencang sekali-sekala dijangka menjelaskan kebanyakan kawasan negara.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj)

semasa atau dekat hujan lebat. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, di bawah 1.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko kejadian pokok tumbang dan tanah susur semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.


Banjir kilat juga boleh berlaku terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan



Keadaan cuaca diramalkan aktif mulai esok petang, Rabu (26 Jun 2024) sehingga malam Sabtu (29 Jun 2024), dengan hujan lebat berangin kencang sekali-sekala.

Siaran Akhbar | 25 Jun 2024



YDP NEGERI SARAWAK ZIARAH, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BACAAN Tahil dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin (kiri), manakala gambar kanan, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menziarahi dan bertahlil di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, selaku Menteri Pengiring.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar meneruskan acara Kunjungan Muhibah dengan menziarahi dan bertahlil di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis Bertahlil berkenaan adalah

khusus buat paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Hadir mengalaukan kedatangan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Bacaan Tahil dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin. Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring.

5.1 peratus kadar pengangguran bagi 18 tahun dan ke atas

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Jumlah penduduk bekerja yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 adalah seramai 216,000 orang dan sebahagian besar pekerja adalah pekerja tempatan seramai 152,600 orang (70.6 peratus).

Bagi kadar penyertaan tenaga kerja (Labour Force Participation Rate - LFPR) pada tahun 2023 adalah 67.2 peratus, di mana kadar penyertaan bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 75.8 peratus berbanding dengan perempuan sebanyak 57.3 peratus.

Kadar pengangguran bagi penduduk berumur 18 tahun dan ke atas adalah 5.1 peratus yang mana kadar pengangguran tertinggi adalah yang berumur 18 ke 24 tahun.

Daripada jumlah penduduk berumur 18 tahun dan ke atas, sebanyak 32.8 peratus penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*) yang tidak aktif untuk mencari pekerjaan dan tidak bersedia untuk bekerja disebabkan mempunyai tanggungjawab keluarga / isi rumah, bersara dan sebagainya.

Bagi peringkat umur pula, 39.6 peratus daripada jumlah penduduk di luar tenaga kerja adalah yang berumur 60 dan ke atas.

Laporan KTK 2023 dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan

Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu dengan objektif utama untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan dan pengangguran yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.

Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematis.

Data yang diperoleh daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isi rumah biasa di Negara Brunei Darussalam.


JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.

Laporan KTK 2023 boleh diperoleh di laman sesawang JPES.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah dirujuk ke JPES melalui talian +673 7469844 (waktu pejabat), atau e-mel ke info.statistics@jpes.gov.bn atau melayari laman sesawang deps.mofe.gov.bn.

LABOUR FORCE SURVEY 2023

Labour Force Framework, Brunei Darussalam, 2023
Aged 18 years and over



Notes: Data may not add up to the total due to the rounding.
Source: Department of Economic Planning and Statistics (JPES)

BKISHHB tumpuan lawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi semasa mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) hari ini menjadi tumpuan lawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi serta rombongan sempena Kunjungan Muhibah ke Negara Brunei Darussalam.

BKISHHB merupakan sebuah institusi yang menyimpan dan memamerkan khazanah warisan Islam yang sangat berharga serta berperanan dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, penyelidikan,

pengkajian, pengembangan dan penyebaran maklumat dan ilmu-ilmu Islam.

Ketibaan rombongan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak di BKISHHB dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Turut mengalumkan ketibaan rombongan ialah Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad serta pegawai dan kakitangan BKISHHB.

Tuan Yang Terutama dan isteri memulakan lawatan dengan menandatangani Lembaran



Kenangan dan kemudian diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Rombongan turut mendengarkan taklimat ringkas mengenai BKISHHB daripada Dr. Haji Awang Mohammed Hussain sebelum beredar ke galeri-galeri pameran.

Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Sebelumnya dikenali sebagai Balai Pameran Islam Sultan Haji

Hassanal Bolkiah, BKISHHB telah dibuka secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Oktober 2019.

BKISHHB mempunyai sembilan buah galeri yang memperkenalkan bahan koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memfokuskan kepada ketamadunan Islam seperti

koleksi mushaf daripada pelbagai negara, manuskrip Arab, Farsi dan Nusantara, tongkat, tasbih, serta koleksi fosil dan bahan artifak astronomi Islam.

Sejak pembukaan semula galeri BKISHHB kepada orang awam pada 12 Disember 2022, sehingga kini institusi berkenaan telah menerima sekitar 28,000 pengunjung yang terdiri bukan sahaja daripada orang awam dan para pelancong dari luar negara, malahan ia juga menarik perhatian para pembesar dan ketua-ketua negara.

KEPULANGAN JEMAAH HAJI PENERBANGAN KEDUA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin;

Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Pemangku Timbalan Setiausaha



KEPULANGAN jemaah haji dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan isteri (atas dan atas kiri).

Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan para pegawai

kanan KHEU. Bagi memberkati kepulangan jemaah haji, Doa Selamat telah dibacakan oleh

Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.



JEMAAH haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan kedua yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4224 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri dan kanan).



Penerbangan pertama jemaah haji selamat pulang ke tanah air



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Kerinduan kaum keluarga, sanak-saudara serta sahabat handai kini terubat apabila



serombongan 252 jemaah haji penerbangan pertama selamat pulang ke tanah air.

Penerbangan pertama para jemaah haji tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kira-kira jam 9.14 pagi, menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4222.

Jemaah haji dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam

Brunei (TAIB); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al-Buraithin.

Turut sama mengalu-alukan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Rombongan jemaah haji terdiri daripada 125 jemaah yang mengikuti Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan 124 jemaah mengikuti Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA).

Ini juga termasuk seorang pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), seorang



JEMAAH haji dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei; Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Datin (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah, jemaah haji penerbangan pertama selamat pulang ke tanah air.



pegawai dari DSSB dan seorang pegawai dari SCA.

Doa Selamat dibacakan oleh

Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

ACMMC : MEMPERKUKUH PERKONGSIAN PANDANGAN, AMALAN PERUBATAN TENTERA



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Persidangan Ketua Perubatan Tentera ASEAN (ASEAN Chiefs of Military Medicine Conference - ACMMC) Ke-11.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Persidangan Ketua Perubatan Tentera ASEAN (ASEAN Chiefs of Military Medicine Conference - ACMMC) Ke-11 bermula hari ini dengan Majlis Pembukaan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Wakil dari negara-negara ASEAN dan Timor-Leste mengambil bahagian dalam acara tiga hari berkenaan bermula hari ini hingga 26 Jun 2024.

Persidangan berkenaan memberi tumpuan kepada 'Impak Perubahan Iklim Ke Atas Kesediaan Operasi Tentera dan Peranan Perubatan Tentera', dengan matlamat memperkuuh perkongsian pandangan dan amalan dalam bidang perubatan tentera untuk

meningkatkan hubungan ASEAN. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan ABDB, wakil-wakil daripada organisasi termasuk Kementerian Kesihatan, dan peserta-peserta dari Brunei Climate Change Office (BCCO), Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam (UBD); Jerudong Park Medical Centre (JPMC) and Safety, Health and Environment National Authority (SHENA).

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah, Jabatanarrah Agama ABDB (JAMA'AT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan kata-kata aluan daripada Pengerusi ACMMC Ke-11, Lettenan Kolonel (Dr.) Ummi Suzeayanna binti Haji Johari.

Antara lain, beliau menekankan cabaran yang timbul akibat daripada perubahan iklim dan kesannya ke atas operasi tentera dan pengendalian penjagaan kesihatan, selaras dengan tema persidangan.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pemerintah ABDB, yang menekankan mengenai kepentingan menangani kesan perubahan iklim terhadap kesiapsiagaan operasi ketenteraan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Beliau turut menekankan kesejahteraan persidangan berkenaan dengan Deklarasi ASEAN tentang kedayatahanan mampu yang dibincangkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 bertemakan 'ASEAN Matters : Epicentrum of Growth'.

Pemerintah ABDB kemudian secara rasmi membuka persidangan, yang diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama semua ketua-ketua delegasi ACMMC.

Taklimat-taklimat pembentangan seterusnya termasuk perbincangan tentang peranan perubatan tentera dalam menangani impak perubahan iklim ke atas tahap kesiapsiagaan


operasi ketenteraan.

ACMMC berperanan sebagai landasan bagi pegawai perubatan tentera ASEAN untuk berkolaborasi dan berkongsi kepakaran, memperkuuh hubungan di antara negara-negara ahli.

Program tambahan dalam ACMMC Ke-11 berkenaan termasuklah Program Saintifik Pegawai Perubatan Tentera Muda ASEAN (Young ASEAN Military Medical Officers - YAMMOs) dan perjumpaan dua hala antara delegasi.

Negera Brunei Darussalam sebelum ini telah menjadi tuan rumah bagi ACMMC Ke-4 pada 2014.

Muballigh Menyaringkan Suara Dalam Sembahyang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

DALAM sembahyang berjemaah, ada kalanya terdapat sebahagian daripada maknum yang tidak boleh mendengar suara imam dengan baik walaupun mereka berkumpul di tempat yang sama atau dalam ruang yang kecil. Perkara ini terjadi sama ada kerana suara imam yang tidak nyaring, maknum mempunyai pendengaran yang kurang baik atau sebab-sebab selainnya. Perkara ini kadangkala boleh menyebabkan sebahagian maknum kurang pasti mengenai perbuatan imam dalam sembahyang. Apa yang sering berlaku dalam keadaan sebegini ialah salah seorang daripada maknum akan menyaringkan atau menguatkan suaranya pada tempat-tempat tertentu dalam sembahyang seperti pada bacaan takbir

sebagai pemberitahuan kepada maknum yang lain mengenai perbuatan imam dalam sembahyang. Maknum yang menyaringkan suara ini dikenali sebagai *muballigh*. Persoalannya adakah maknum diharuskan melakukan perbuatan sebegini? Berikut adalah penjelasan mengenainya.

Salah satu daripada syarat sah mengikut imam ialah maknum mengetahui perbuatan-perbuatan imam dan mengetahui *intiqalat* imam iaitu perpindahan imam daripada satu rukun ke rukun yang seterusnya dalam sembahyang. Terdapat beberapa cara untuk maknum mengetahui perbuatan imam dalam sembahyang antaranya ialah dengan melihat imam, melihat kepada maknum lain di hadapannya yang mengetahui perbuatan imam atau dengan mendengar suara imam.

Ketika sembahyang berjemaah, imam sunat melafazkan takbiratulihram dan takbir *intiqalat* dengan *jahar* (suara nyaring) supaya ia dapat didengar oleh maknum dan dengannya maknum dapat mengetahui perbuatan imam dan perpindahannya dari satu rukun ke satu rukun yang lain. Begitu juga imam sunat melafazkan salam yang pertama dengan *jahar*. Manakala bagi maknum dan orang yang sembahyang sendirian pula, sunat melafazkan takbiratulihram, takbir *intiqalat* dan salam dengan suara yang rendah (*sirr*).

Jika imam dalam sembahyang berjemaah itu seorang perempuan, dia juga dituntut untuk *jahar* dalam sembahyang pada tempat-tempat tersebut, namun *jahar* imam perempuan adalah lebih rendah daripada *jahar* imam lelaki. Walau bagaimanapun, jika ada lelaki asing yang bukan mahram di tempat sembahyang tersebut dan lelaki berkenaan boleh mendengar suaranya, maka dalam hal ini sunat bagi imam perempuan tersebut untuk melafazkannya dengan *sirr*.

Maksud *sirr* di sini ialah suara rendah atau perlahan yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri sahaja dalam keadaan seseorang itu mempunyai pendengaran

yang baik dan keadaan di sekelilingnya tidak bising. Tidak memadai suara rendah (*sirr*) itu dengan menggerakkan lidah sahaja tanpa suara yang dapat didengar oleh dirinya sendiri. Manakala maksud *jahar* pula ialah suara yang lebih tinggi daripada bacaan *sirr* sekira-kira dapat didengar oleh dirinya sendiri dan orang lain yang berada dekat dengannya.

Jika suara imam tidak sampai kepada maknum atau tidak dapat didengar oleh maknum kerana suara imam yang tidak nyaring disebabkan sakit atau kerana suara semula jadinya yang tidak nyaring, kawasan masjid yang luas, bilangan maknum yang ramai, maknum berada jauh daripada imam dan selainnya, maka tuntutan mengetahui perbuatan imam dan perpindahannya dalam sembahyang ini juga terlaksana dengan mendengar suara *muballigh*. *Muballigh* itu sama ada muazin atau sesiapa sahaja daripada kalangan maknum yang mengerjakan sembahyang atau bukan daripada kalangan maknum dengan syarat hendaklah dia seorang yang dipercayai (*tsiqah*). Maksud *tsiqah* di sini ialah seorang yang '*adl riwayah*', iaitu seorang yang berakal, baligh, sama ada merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan.

Oleh itu, jika suara imam tidak sampai kepada maknum kerana sebab-sebab yang dinyatakan tadi, maka sunat bagi *muballigh* untuk menyaringkan suara pada takbiratulihram, takbir *intiqalat* dan salam yang pertama selepas imam supaya takbiratulihram, takbir *intiqalat* dan salam itu sampai kepada semua maknum.

Perkara ini disandarkan kepada hadits daripada Jabir Radhiallahu 'anhу katanya:

Maksudnya: Rasullullah Shallallahu 'alaihi wasallam sembahyang bersama kami dan Abu Bakr Radhiallahu 'anhу berada di belakang Baginda, apabila Rasullullah Shallallahu 'alaihi wasallam bertakbir, Abu Bakr Radhiallahu 'anhу pun bertakbir untuk memperdengarkan (takbirnya itu) kepada

kami.

(Hadits riwayat Muslim)

Termasuk juga dalam takbir *intiqalat* itu bacaan *at-tasmi'* iaitu bacaan dzikir *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*. Sunat bagi imam melafazkan bacaan *at-tasmi'* dengan *jahar* supaya maknum tahu mengenai *intiqalat* imam dalam sembahyang. Manakala bacaan *tahmid* pula iaitu bacaan dzikir *لَكَ الْخَيْرَ* dilafazkan dengan *sirr*. Adapun bagi maknum selain *muballigh* dan orang yang sembahyang sendirian, melafazkan bacaan *at-tasmi'* dan bacaan *tahmid* adalah dengan *sirr*.

Oleh yang demikian, disunatkan bagi *muballigh* untuk *jahar* pada bacaan *at-tasmi'* sebagai pemberitahuan kepada maknum mengenai *intiqalat* imam dalam sembahyang dan *sirr* pada bacaan *tahmid* sebagaimana perbuatan imam. Imam al-Bajuri *Rahimahullah* setelah memberi perjelasan mengenai bacaan *at-tasmi'* secara *jahar* dan bacaan *tahmid* secara *sirr* menyatakan:

Ertinya: *Muballigh* menyaringkan suara pada apa yang imam nyaringkan suara padanya dan dia merendahkan suara pada apa yang imam rendahkan suara padanya kerana dia adalah penghantar dan penyampai (kepada maknum) apa yang diucapkan oleh imam.

Perlu diketahui bahawa imam dan *muballigh* yang melafazkan takbiratulihram, takbir *intiqalat*, *at-tasmi'* dan salam dengan suara yang nyaring itu hendaklah dengan tujuan zikir sahaja atau dengan tujuan zikir serta memerdengarkannya kepada maknum yang lainnya. Sekiranya dia melafazkan takbiratulihram, takbir *intiqalat*, *at-tasmi'* dan salam dengan suara yang nyaring itu dengan tujuan semata-mata untuk memperdengarkan kepada maknum sahaja, maka batal sembahyangnya.

Demikian penjelasan mengenai *muballigh* yang menyaringkan suara dalam sembahyang.

Keberkatan masa

penyebab manusia gagal menggunakan masa dengan sebaiknya. Sikap ini amat dikeji agama Islam.

Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu 'anhuma bahawa beliau berkata :

"Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah kamu menanti pagi dan apabila kamu berada di pagi hari janganlah kamu menanti petang".

Manusia sering memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberikan umur yang panjang. Namun, ajal adalah qada yang ditentukan-Nya yang tidak akan berubah. Umur yang panjang yang dikurniakan Allah ialah umur yang berkat yang disusuli dengan amal ketaatan dan mendapat keberkatan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 96, mafhumnya :

"Dan kalau lah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan".

Barakah atau berkat adalah penambahan atau kelangsungan kebaikan atau kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesuatu. Jika Allah memberkati masa kita bererti berlaku penambahan dan kebaikan. Masa sejam yang diberkati tentu berbeza dengan masa sejam yang tidak diberkati.

Maka ketahuilah bahawa masa adalah

umur kita. Justeru, umat Islam hendaklah menghargai masa semampu yang mungkin agar setiap masa yang kita laului akan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Sekali masa berlalu, maka ia tidak akan kembali lagi. Isilah masa dengan amalan-amalan yang berfaedah dan janganlah mensiasati-siasikannya di samping menguruskannya dengan sebaik mungkin. Semoga setiap masa yang melingkari kehidupan kita akan dipenuhi dengan keberkatan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 105, mafhumnya :

"Dan katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Beramallah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat amalan kamu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata lalu Dia memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan".

MEREKA yang kurang memahami agama ditambah dengan kelalaian yang hanya mengejar ganjaran dan habuan keduniaan semata-mata sehingga buta nilai-nilai keagamaan adalah mereka yang mensiasikan masa dan ini amat merugikan. Sikap malas, sambil lewa, suka bertangguh dan membuang masa juga merupakan penyebab manusia gagal menggunakan masa dengan sebaiknya. Sikap ini amat dikeji agama Islam.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان فوسة دعوه اسلاميه

DEMI masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar".

(Surah Al-Ash'r', ayat 1-3)

Allah menegaskan bahawa manusia yang hidup di dunia ini sentiasa dalam kerugian kecuali mereka yang beriman, beramal soleh dan berpesan-pesan kepada kebenaran dan kesabaran.

Masa yang berlalu dalam kehidupan kita adalah amat berharga dan setiap Muslim pula hendaklah memberi perhatian serius terhadap masa dan menggunakan semaksima mungkin untuk mencapai cita-cita dan matlamat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Mengurusan masa dengan sebaiknya adalah mereka yang memahami matlamat kehidupan di dunia ini agar masa yang dilalui dipenuhi dengan keberkatan dan kemuliaan.

Mereka yang kurang memahami agama ditambah dengan kelalaian yang hanya mengejar ganjaran dan habuan keduniaan semata-mata sehingga buta nilai-nilai keagamaan adalah mereka yang mensiasikan masa dan ini amat merugikan.

Sikap malas, sambil lewa, suka bertangguh dan membuang masa juga merupakan

KONGSI MAKLUMAT, PENGETAHUAN PERANAN JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Seramai 10 peserta Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN mengadakan lawatan ke Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, di sini.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Abel Guterres bersama para pegawai penyelaras program.

Program dimulakan dengan taklimat dari Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat terutamanya peranannya selaku Urus Setia kepada Majlis Mesyuarat Negara

(MMN).

Taklimat juga turut mengongsikan makluman berkenaan proses dan prosedur Persidangan MMN berpandukan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat (Standing Order).

Para peserta juga berkesempatan untuk mendengarkan taklimat berkenaan penyertaan MMN di mesyuarat-mesyuarat dan persidangan antarabangsa serta rancangan untuk meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan.

Program diteruskan dengan sesi dialog, dengan para peserta berpeluang berinteraksi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pendekatan MMN dalam menangani isu-isu semasa.

Dialog juga membincangkan

peluang untuk meneroka serta meluaskan kerjasama dengan MMN.

Pada akhir program lawatan berkenaan, para peserta turut membuat lawatan ke Dewan Persidangan (Chamber).

Lawatan berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan dan mengongsikan maklumat mengenai peranan Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat khususnya berkaitan dengan MMN.

Selain itu, ia juga adalah untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai penyertaan MMN di dalam negara termasuk di peringkat serantau serta antarabangsa.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam semasa berucap.

SESI taklimat disampaikan pada lawatan berkenaan.



SEKITAR lawatan para peserta Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN ke Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat (atas dan kanan).



Kongsi amalan terbaik, trend pengurusan tanah tercemar

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BERAKAS, Selasa, 25 Jun. - Pencemaran tanah boleh memudaratkan kesihatan manusia, mencemarkan sumber air, merosakkan bangunan-bangunan dan memerlukan satu perbelanjaan yang amat besar untuk dipulihkan.

Di Negara Brunei Darussalam, dengan berkuat kuasanya Akta Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar, Penggal 240, pencemaran alam sekitar, termasuk pencemaran tanah, boleh dielakkan atau sekurang-kurangnya dikawal ke tahap yang selamat, melalui keperluan yang dikenakan ke atas industri-industri dan pemaju-pemaju seperti pelaksanaan penilaian impak alam sekitar dan penyediaan pelan pengurusan serta pemantauan alam sekitar.

Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imitihan binti Haji Abdul Razak menyatakan perkara tersebut dalam ucaptamanya pada Forum Teknikal mengenai Pengurusan Tanah Yang Tercemar : Pencegahan, Amalan dan Trend anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dan Dowtec (B) Sendirian Berhad yang diadakan di Dewan Indera Pahlawan, ABCi, Kementerian Pembangunan, hari ini.

Sementara itu, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti

Haji Tamit dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyampai kertas kerja, ahli-ahli panel dan peserta-peserta forum yang hadir.

Tambah beliau, para peserta akan berpeluang untuk mempelajari dan menambah pengetahuan mengenai pengurusan tanah yang tercemar, termasuk rangka kerja pengawalseliaan, penilaian risiko serta amalan-amalan terbaik dan kaedah-kaedah yang inovatif dalam melaksanakan pemulihian tanah yang tercemar.

Satu pembentangan utama turut disampaikan oleh Pengurus Besar Syarikat Dowtec (B) Sendirian Berhad, Awang Bykri bin Bujang, di mana beliau menekankan bahawa tanah dan air bawah tanah adalah sumber-sumber yang berharga.

Tanah yang terjejas akibat aktiviti manusia melalui penggunaan tanah dahulu dan sekarang seperti pertanian, perindustrian, perlombongan dan pelupusan sisa yang menghalang faedah penggunaannya, mengakibatkan kesan kepada nilai ekonomik tanah dan potensi kesan terhadap kesihatan manusia dan kepelbagaiannya biologi serta kualiti air. Oleh itu, forum ini menghimpunkan pihak-pihak berkuasa, pengamal dan industri untuk berkongsi amalan terbaik dan trend yang berkaitan dengan pengurusan tanah tercemar.

Sementara itu, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan semasa sesi bergambar pada forum berkenaan.

Lima pembentangan disampaikan sepanjang forum yang diadakan selama satu hari berkenaan termasuk Brunei Regulatory Framework to Prevent and Manage Land Contamination yang disampaikan oleh Pegawai Alam Sekitar dari JASTRe, Dayang Rodziah binti Haji Adnan; Contaminated Land Management Framework in Malaysia yang disampaikan oleh Principal Dowtec (B) Sdn. Bhd., Ng Hon Seng dan Adopting and Adapting the JTC EBS Guidelines to Establish Baseline Soil & Groundwater Conditions - PMB Case Study yang disampaikan oleh Eksekutif HSSE untuk Alam Sekitar dari Syarikat Hengyi Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Sofi Hasni bin Haji Sarbini.

Turut membentangkan, Ketua Hal Ehwal Alam Sekitar dari Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Michael

Lampp dengan membawakan tajuk, 'BSP Environmental Approach to Land Management' dan 'Managing Risk to Human Health and Ecology as Basis for Site Remediation' yang disampaikan oleh Principal Dowtec (B) Sdn. Bhd., Ng Hon Seng.

Selesai sesi pembentangan, turut diadakan satu perbincangan panel bertajuk 'Innovations in Managing Human Health and Ecological Risk Associated with Impacted Sites' dikendalikan oleh Pegawai Alam Sekitar Kanan dari JASTRe, Awang Mohammad Akmal Fikry bin Yusra, selaku moderator.

Turut serta sebagai ahli-ahli panel ialah oleh Ng Hon Seng dari Dowtec (B) Sdn. Bhd., Michael Lampp dari Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. dan Awang Haji Sofi Hasni bin Haji Sarbini dari Syarikat Hengyi Industries (B) Sdn. Bhd.

Sijil-sijil penghargaan dan

cenderahati kepada para penyampai taklimat, ahli panel dan moderator disampaikan oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah Seng, dilanjut dengan ucapan penutup oleh Pengurus Besar Syarikat Dowtec (B) Sendirian Berhad, Awang Bykri bagi menutup tirai acara tersebut.

Forum Teknikal ini merupakan salah satu program yang diungkapayakan oleh pihak JASTRe bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 yang bertemakan Land Restoration, Desertification and Drought Resilience dan bertujuan untuk mengetengahkan elemen mengenai pencegahan dan mitigasi, penyelesaian mampar dan pengurusan risiko tanah tercemar daripada perspektif pihak berkuasa, para pengamal dan industri, dan dihadiri oleh seramai lebih daripada 100 peserta.

PUPUK PEMAHAMAN, PENGHAYATAN TERHADAP KONSEP ASEANNESS



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa hadir pada Majlis Pembukaan Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-19 dan ASEAN+3 Ke-9 yang berlangsung di Dewan BRIDEX.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Isnin, 24 Jun. - Graduan-graduan masa kini perlu dilengkapi dengan pelbagai kecekapan, termasuk pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi, kerjasama, kebolehsuaian, dan kecerdasan budaya.

Seni dan budaya memainkan peranan penting dalam pendidikan tinggi, menawarkan pelajar peluang

unik untuk mengembangkan kreativiti, pemikiran kritis, empati dan kesedaran budaya.

"Dengan melibatkan diri dalam pelbagai bentuk ekspresi artistik, para pelajar boleh mengasah kepekaan estetik mereka, meluaskan perspektif mereka dan mendalami pemahaman mereka tentang diri mereka dan dunia di

sekeliling mereka," ujar Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa Majlis Pembukaan Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-19 dan ASEAN+3 Ke-9 yang berlangsung di Dewan BRIDEX, di sini.

Menurutnya, dengan menerima seni dan budaya sebagai komponen penting dalam pendidikan, universiti boleh menyediakan pelajar untuk mengharungi kerumitan dunia moden dengan kreativiti, dayatahan, dan juga kesedaran sosial, sensitif budaya dan bertanggungjawab dari segi etika.

Terdahulu beliau menjelaskan, melihat ke arah masa depan, landskap pendidikan tinggi sedang mengalami transformasi yang pesat, didorong oleh kemajuan teknologi, pasaran pekerjaan yang berkembang, dan perubahan keperluan masyarakat.

Dalam persekitaran yang dinamik berkenaan tambahnya, adalah penting bagi golongan muda untuk melengkapkan diri mereka dengan pelbagai set kemahiran yang akan membolehkan mereka berjaya dan berkembang maju pada tahun-tahun mendatang.

"Model tradisional pendidikan tinggi, yang tertumpu semata-mata kepada pengetahuan akademik dan kepakaran teknikal, tidak lagi mencukupi untuk menyediakan pelajar dalam menghadapi kerumitan Abad Ke-21," ujarnya.

Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-19 dan ASEAN+3 Ke-9 merupakan sebahagian daripada inisiatif belia Rangkaian Universiti ASEAN (AUN) dengan forum diadakan selama enam hari

bermula 23 hingga 28 Jun 2024.

Adapun tujuan utama forum berkenaan diadakan adalah untuk melestarikan inti pati warisan budaya ASEAN dan impaknya dalam memupuk pemahaman dan penghayatan yang lebih baik terhadap konsep ASEANness.

Forum berkenaan berfungsi sebagai platform dinamik untuk meraikan kepelbagaian dan persamaan dalam rantau ASEAN+3 melalui dialog bermakna berpaksikan pengalaman seni dan budaya.

Acara tahunan berkenaan telah ditubuhkan sejak 2003 dengan universiti Ahli AUN daripada 10 negara ASEAN dan berkembang ke ASEAN+3 bersama delegasi dari China, Jepun dan Korea pada 2012.

Tema forum tahun ini ialah 'Mendepan Bersama Ke Arah Kelestarian Seni dan Budaya' (Future Together Towards Preserving Arts and Culture) dengan penyertaan seramai 145 delegasi daripada 20 universiti Ahli AUN di Negara Anggota ASEAN iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Viet Nam, dan tujuh rakan kongsi dari negara ASEAN+3, iaitu China, Jepun dan Korea.

Sementara itu, Timbalan Dekan II Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr. Haji Rozaiman bin Haji Makmun selaku Pengurus Bersama Forum Kebudayaan Belia ASEAN Ke-19 dan ASEAN+3 Ke-9 dalam ucapannya menjelaskan, UBD berbesar hati untuk mengendalikan Forum Kebudayaan Belia tahunan yang memamerkan persembahan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan menyampaikan ucapannya.

kesenian dan kebudayaan secara kolaboratif daripada setiap negara yang mengambil bahagian.

Menurutnya, program berkenaan menawarkan gabungan pengalaman budaya, termasuk bengkel komunikasi silang budaya, kepimpinan dan pembangunan kemahiran artistik dalam bidang seperti seni mempertahankan diri Brunei, teater, muzik tradisional, serta sesi kepelbagaian bahasa.

Tambahnya, turut diadakan termasuk kuliah akademik, lawatan kampus, Bazar Seni dan Budaya ASEAN, lawatan sosial dan pendidikan, lawatan dan bengkel serta persembahan kerjasama sebagai mempamerkan hubungan dan rangkaian yang baharu dibentuk dalam kalangan peserta.

Juga hadir pada majlis itu, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh dan Pengarah Eksekutif AUN, Dr. Choltis Dhirathiti.



ANTARA persembahan pada majlis berkenaan.

Kongsi pengetahuan mengintegrasikan perisian AI dalam pengajaran, pembelajaran



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Pendidikan pada hari ini melancarkan Bengkel Artificial Intelligence (AI) Guidance For Schools Toolkit yang diadakan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan pelancaran bengkel berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan,

Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim yang antara lain menjelaskan pelancaran Bengkel AI Guidance For Schools Toolkit berkenaan menandakan satu lagi milestone penting bagi mendukung inisiatif-inisiatif dalam Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan selaras dengan Pelan Induk Ekonomi

Digital 2025 Negara Brunei Darussalam dan visi Kementerian Pendidikan, iaitu 'Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif'.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, kemudian diikuti dengan pelancaran bengkel berkenaan.

Antara pengisian majlis ialah pembentangan ucaptama bertajuk 'Leveraging Generative AI to Enhance Classroom Learning and Efficiency' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Serantau SEAMEO STEM-ED (Thailand), Dr. Kritsachai Somsaman, secara

dalam talian.

Dalam pembentangan, beliau menjelaskan sesi berkenaan meneroka potensi transformatif AI generatif dalam pendidikan, menawarkan strategi praktikal untuk guru dan pelajar untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran.

Setelah itu, pembentangan bertajuk 'AI is Changing Our Lives' pula disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Syafiq bin Haji Abu Bakar.

Menurutnya, pembentangan berkenaan bertujuan untuk menyemak landskap semasa, dan keperluan untuk perubahan pendidikan, menyepadan cerapan daripada hasil PISA 2022 Creative Thinking.

Ia juga katanya, turut menggariskan pelan transformasi digital Kementerian Pendidikan, serta objektif strategik, dan peranan AI dalam pelan tindakan tenaga kerja Brunei.

Di samping itu tambahnya lagi, menekankan cara AI mempengaruhi kemas kini kurikulum, latihan pendidik dan penambahbaikan infrastruktur, dengan hala tuju masa depan membincangkan analisis ramalan dan persekitaran pembelajaran dipacu oleh AI.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Majlis menyaksikan kehadiran secara fizikal dan dalam talian yang melibatkan para pemimpin sekolah dan guru-guru dari sekolah rendah, menengah dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta para pemimpin sekolah dan guru-guru dari sekolah Arab serta Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB) di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sejurus majlis pelancaran berkenaan, beberapa bengkel akan dijadualkan bermula 25 hingga 27 Julai 2024 yang akan dihadiri oleh seramai 318 orang terdiri daripada ketua-ketua kluster, pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkenalkan peserta kepada AI Guidance for Schools Toolkit; memberi pengetahuan dan kemahiran penting dalam mengintegrasikan perisian AI ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta menekankan kepentingan amalan etika AI seperti yang dianjurkan oleh panduan berkenaan.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, ketua-ketua kluster, dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.

IKLAN



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
9 Julai 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Julai 2024 (Selasa)
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 14 / 2024

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif 'Sigma' Di
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha,
Kampung Katok Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 14

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Carpet Shampooing
Di Dewan dan Bilik-Bilik
Di Rumah Rasmi,
Walkway dan Bilik KDYMM
Serta DPMM

Di Dalam Block VVIP
Untuk Persediaan
Majlis Ramah Mesra Bersama
Rakyat dan
Penduduk Daerah Tutong
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-78

Bagi Daerah Tutong Tahun 2024
Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :
 Isnin, 1 Julai 2024
 Jam 2.00 Petang



JEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Iklan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Tawaran:
01 / STOR / 2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal dan Menghantar
Cartridge dan Toner Printer
Di Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Jalan Menteri Besar,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Satu (01) Tahun.

Tarikh Tutup dan Waktu:
Rabu, 10 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang

Yuran Sebut Harga:
BND5.00



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:

Term Contract For Foam Tender
Fire Trucks Maintenance Services
And S.O.R Spare Parts Services,
Department Of Civil Aviation
AME / 2024 – 2027 / SH-37
(Kelas I dan II)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

26 Jun 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

30 Julai 2024,
Selasa, tidak lewat
jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:

31 Julai 2024, Rabu

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDBM / T / 02 / 2024

Tajuk Tawaran:
Kerja-Membekalkan Kayu Bagi
Tempoh satu (1) Tahun
Ke Jabatan Daerah Brunei
dan Muara Bagi Pemeliharaan
Jambatan dan Jeti
Di Keseluruhan Mukim-Mukim
di Kampong Ayer,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:

Term Contract To DCA
Assets For Maintenance And
Repair Works Of Street Lighting /
Car Park For A Period Of
Six (6) Months
AME / 2023 - 2024 / SH-18 / R
(Kelas I, II dan Above)

Tajuk Tawaran.

Term Contract For Three (3)
Months In Maintenance Of
Airfield Ground Lighting
At Brunei International Airport
AME / 2023 – 2024 / SH-32
(Kelas 5)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

19 Jun 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

2 Julai 2024, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:

3 Julai 2024, Rabu

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:

Supply And Delivery Of Hand-Held
Device For Voice
Communication System Air
Traffic Controller
For Department Of Civil Aviation
ATELS / 2024 / SH-06

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

26 Jun 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**

9 Julai 2024, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:

10 Julai 2024, Rabu
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan
Ibu Pejabat

Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

1. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
To Repair And Replace Fresh
Water Pump System
At Muara Fisheries Complex

2. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Repair Works Of Vehicles Nissan
Patrol BG9212,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup :
Khamis, 11 Julai 2024
Jam 2.00 Petang





Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)
Atau
Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)
Atau
Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)
bagi
DAERAH TUTONG

1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Layong, Mukim Lamunin
5. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 27 Julai 2024, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491.



Dibuka kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 16 Julai 2024

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 24 / STE / 2024-T / II

Nama Projek:
Jambatan Gantung Kem Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Batang Duri, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan:
Penolong Pendaftar Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
II

Tangga Gaji :
UB.1 EB.2
(BND2,630.00 - BND3,760
EB KHAS BND3,880.00 -
BND3,880.00 - BND4,240.00
Sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan :
Borang permohonan – Form P1
(Borang P1) bolehlah didapati dan
diisi melalui talian di laman



Dibuka kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 9 Julai 2024

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Julai 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 019 / 2024

Nama Projek:
Kerja Kecemasan Untuk Memfabrikasi, Membekal, Menghantar Serta Memasang Tee dan Kelengkapan Paip Berukuran 770mm Bagi Pembaikan Paip Di Pam Utama Gadong Temburong (2025-2028)

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 02 /
2024 - 2025

Keterangan:
Mencetak, Membekal dan Menghantar Sampul Surat Sulit Bagi Kertas Soalan, Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H - 1447H / 2024M - 2025M

Tarikh Tutup Tidak Lewat Pada:
Rabu,
4 Muhamarram 1446H /
10 Julai 2024M
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tawaran : JPH / 1207-003 / TAW /
387 / 2024 - 2025
Membekal Anak Benih Hutan Bagi Projek Penghijauan Hutan Simpan Arboretum (Zon B) dan Hutan Simpan Keluyoh

Tawaran : JPH / 1207-003 / TAW /
388 / 2024 - 2025
Projek Penghijauan Hutan Simpan Arboretum (Zon B) dan Hutan Simpan Keluyoh

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
TSD / MKKJR / SH-002(2024 –
2025)

"PENAIKTARAFAN,
PENYELENGGARAAN,
PEMULIHAN DAN SOKONGAN
SISTEM ROAD ACCIDENT
DATA ENHANCEMENT AND
DEVELOPMENT (RADED)"
("UPGRADE, MAINTENANCE,
RECOVERY AND SUPPORT
FOR ROAD ACCIDENT
DATA ENHANCEMENT AND
DEVELOPMENT (RADED)
SYSTEM")

Tarikh Tutup:
24 Julai 2024

Kepada :
Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga
Ministry of Transport and
Infocommunications,
Jalan Menteri Besar, BB3910,
Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2425-QTN.02 / FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
6 Julai 2024 - Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti sebut Harga, Jabatan Perbadanan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam




**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Kes :
TT / MRS / MAL-A / P012A /
0064 / 05-2024

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S010A /
0063 / 05-2024

Antara

Rasinah binti Haji Ahmad
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Mohamad Ahjeri bin Haji Ahmad
- Defendant / Respondent

Kepada : Mohamad Ahjeri bin Haji Ahmad, (Defendant yang dinamakan di atas) alamat terakhir No. 2, Simpang 1579-25-14, STKRJ Kampung Telisai,

Tutong, TC1145, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Tutong pada Rabu, 3 Julai 2024M pada jam 9.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas bagi Tuntutan Perceraian dengan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahwa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahwa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
27 Zulkaedah 1445H /
5 Jun 2024M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan

1. MOE / LTK / 25 / 2024 / 2025
(AKS-JUN-2024)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

2. MOE / LTK / 26 / 2024 / 2025
(AKS-JUN-2024)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

3. MOE / LTK / 27 / 2024 / 2025
(AKS-JUN-2024)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Anthony Abell, Seria, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu:

9 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / DTU / TA / 07
Penambahan Dan
Penambahbaikan Fiber Optic
Bagi Sistem Rangkaian Di
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Anthony Abell, Seria, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 16 Julai 2024**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Julai 2024
2.00 Petang



سورو هنجاي ڤر خدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING



1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.

1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 **Tandakan “✓” pada kotak semak “Jawatan Sekarang”**
di dalam ruangan “Pengalaman Kerja Kerajaan”

5 **Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

Bina
Kubu Digital
untuk
perniagaan
awda
hari ini.



Lindungi aset digital awda dengan Perkhidmatan Keselamatan Siber kami

UNN
Empowering Digital Society



DDoS Defence Service

Kami memantau dan mengesan trafik mencurigakan 24/7, menggunakan strategi automatik bagi mengurangkan kesan negatif kepada perkhidmatan awda.



Vulnerability Assessment Service (VA)

Semak kesihatan aset digital awda, sebelum ia dieksplotasi.



Pentest as a Service (PtaaS)

Kami mengenal pasti kelemahan yang boleh dieksplotasi dalam aplikasi dan rangkaian serta memberi cadangan untuk meningkatkan postur keselamatan awda.



Lindungi perjalanan digital awda sekarang.
Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)

MAJLIS PEMBUKAAN BENGKEL STRATEGI KEBANGSAAN BIOKESELAMATAN, BIOSEKURITI



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Bengkel Strategi Kebangsaan Biokeselamatan merupakan pelan tindakan utama yang disarankan semasa Joint External Evaluation (JEE) pada tahun 2019 bagi memenuhi keperluan Peraturan Kesihatan Antarabangsa [International Health Regulation (2005) (IHR)].

Pandemik COVID-19 baru-baru ini telah menonjolkan jurang yang ketara terutamanya dalam permintaan untuk kapasiti diagnostik yang berkaitan dengan pelbagai komponen biokeselamatan dan biosekuriti di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif menggariskan perkara itu ketika merasmikan Bengkel Strategi Kebangsaan Biokeselamatan dan Biosekuriti bertempat di The Radisson Hotel, di ibu negara.

Berucap selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan berkenaan, Dr. Hajah Rafidah seterusnya berkata, mekanisme negara kita untuk aspek berkaitan IHR bagi respons COVID-19 telah diuji mengurangkan ancaman biokeselamatan dan biosekuriti.

Melalui pengalaman ini dan pendekatan seluruh negara tambahnya, kita dapat berinovasi, berkongsi pengetahuan dan

kemajuan ke arah penubuhan pengurusan biorisiko yang mampar.

Selain itu jelasnya lagi, ia juga membolehkan pihak berkepentingan menyemak biokeselamatan dan biosekuriti institusi dasar dan mengukuhkan amalan terbaik sedia ada, selain mengiktiraf penglibatan kerjasama dan kerjasama serantau dan antarabangsa yang penting untuk menyokong inisiatif tersebut.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Guru Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'e bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Bengkel dua hari ini dihadiri seramai 45 ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari beberapa agensi-agensi kerajaan.

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan bergambar ramai bersama para peserta bengkel berkenaan di The Radisson Hotel.

Mengikut pelan tindakan yang telah digariskan, Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah bekerjasama untuk mengadakan Program Bengkel Strategi Kebangsaan Biokeselamatan dan Biosekuriti NBD sebagai fasa permulaan tindakan mewujudkan Rangka Kerja Kebangsaan Biokeselamatan dan Biosekuriti di NBD.

IHR ialah rangka kerja undang-undang untuk keselamatan kesihatan global (*global health security*) yang menggariskan kewajipan bagi semua Negara Ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia termasuk NBD untuk membangunkan kapasiti teras minimum (*minimum core capacities*) bagi mengesan (*detect*), mencegah (*prevent*), bertindak balas (*respond*) dan menghalang penyebaran ancaman penyakit (*IHR-related hazards and points of entry*).

Biokeselamatan dan biosekuriti adalah bidang teknikal di bawah kapasiti teras mencegah (*prevent*) yang menekankan Sistem Whole-

of-Government Approach dalam biokeselamatan dan biosekuriti bagi semua sektor (termasuk manusia, haiwan dan tanaman), dan Latihan dan amalan Biokeselamatan dan Biosekuriti dalam semua sektor yang berkaitan.

Bengkel-bengkel berkenaan disampaikan oleh konsultan-konsultan daripada International Federation of Biosafety Association (IFBA) dan dibiayai sepenuhnya oleh Global Affairs Canada.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie; Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan, Pengiran Hajah Sofiah binti Pengiran Haji Bakar; Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Dayang Dr. Hajah Nor Azian binti Haji Hafneh; Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, Awang Abuzar bin Haji Mohamad Tahir; Timbalan Pengarah Perikanan, KSSUP, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; konsultan-konsultan daripada International Federation Biosafety Associations (IFBA), Maureen Ellis dan Stephanie Norlock, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



Jujur, amanah dalam berniaga

DALAM dunia perniagaan, nilai-nilai seperti kejujuran dan amanah adalah asas yang sangat penting untuk mencapai kejayaan jangka panjang. Perniagaan yang berpegang teguh pada prinsip kejujuran dan amanah tidak hanya akan membangun reputasi yang baik tetapi juga mendapat kepercayaan daripada pelanggan dan rakan niaga.

Kejujuran dalam perniagaan bermaksud sentiasa berkata benar dan tidak menyembunyikan maklumat penting daripada pelanggan. Sebagai contoh, peniaga yang jujur akan memberi penerangan yang tepat tentang produk atau perkhidmatan

yang ditawarkan, termasuk kelebihan dan kekurangan yang mungkin ada. Ini akan memastikan pelanggan membuat keputusan yang tepat dan berasa puas dengan pembelian mereka. Kejujuran juga melibatkan ketelusan dalam urusan kewangan, di mana rekod transaksi disimpan dengan teliti dan dilaporkan dengan tepat.

Amanah pula merujuk kepada kebolehpercayaan dan tanggungjawab dalam menjalankan perniagaan. Seorang peniaga yang amanah akan memegang janji yang telah dibuat kepada pelanggan dan rakan niaga. Contohnya, jika ada perjanjian mengenai tarikh penghantaran, peniaga

yang amanah akan memastikan produk dihantar tepat pada masanya. Amanah juga bermakna menjaga rahsia perniagaan pelanggan dan tidak menyalahgunakan maklumat yang diberikan.

Mengamalkan kejujuran dan amanah dalam perniagaan membawa banyak manfaat. Antaranya adalah peningkatan kepercayaan pelanggan yang akan membawa kepada kesetiaan dan hubungan jangka panjang. Selain itu, reputasi yang baik akan menarik lebih banyak pelanggan baharu melalui testimoni positif dan saran dari mulut ke mulut. Dalam jangka masa panjang, perniagaan yang berdasarkan nilai-nilai

ini akan lebih tahan terhadap cabaran dan krisis kerana memiliki sokongan kukuh daripada pelanggan dan rakan niaga.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap peniaga untuk mempraktikkan kejujuran dan amanah dalam setiap aspek perniagaan mereka. Dengan cara ini, mereka bukan sahaja membangun perniagaan yang berjaya tetapi juga menyumbang kepada pembentukan ekonomi yang lebih beretika dan mampar.

Nama: Dk. Nur Afiqah binti Pg. Haji Abidin
No. K/P: 01-064XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024
2. 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024
3. 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MESYUARAT BINCANG PELAKSANAAN PROJEK, AKTIVITI ADGSOM-ATRC



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Selasa, 25 Jun. - Kepentingan memupuk kerjasama dalam kalangan ASEAN dalam aspek infrastruktur digital sektor awam, pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran digital, serta membina kedayaatahanan dan ekosistem digital yang dipercayai boleh dilihat melalui keupayaan kumpulan kerja dalam membincangkan status pelaksanaan projek-projek di bawah The 24 ASEAN Digital Senior Officials' Meeting and ASEAN Telecommunications Regulators' Council (ADGSOM - ATRC) dan menerokai cadangan projek-projek bagi work cycle 2025.

Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim selaku Ketua ADGSOM bagi Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu pada pembukaan Mesyuarat The 2024 ADGSOM-ATRC, Joint Working Group (JWG) dan Mesyuarat Berkaitan dengan Rakan Dialog, International Telecommunication Union (ITU) dan Asia-Pacific Telecommunity (APT) yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, di sini.

Terdahulu, beliau menjelaskan,

kepentingan kepercayaan dan keterangkuman untuk diselaraskan dengan tema Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) Ke-4 iaitu 'Membina Ekosistem Digital yang Inklusif dan Dipercayai'.

Mesyuarat berkenaan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini. Mesyuarat seterusnya diikuti dengan ucapan pembukaan daripada Pengurus Bersama mesyuarat tersebut, Pengarah Infocomm Media Development Authority (IMDA), Republik Singapura, Evelyn Goh dan Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian Teknologi dan Komunikasi, Republik Demokratik Rakyat Lao, Phavanhna Douangboupha.

Mesyuarat dihadiri oleh perwakilan

dari Negara-negara Ahli ASEAN, ITU, APT, Negara-negara Rakan Dialog, Timor-Leste sebagai pemerhati dan Sekretariat ASEAN.

The 2024 ADGSOM-ATRC JWG Meeting and Related Meetings with Dialogue Partners, ITU and APT diadakan bagi menyelaraskan pelaksanaan projek-projek dan aktiviti di bawah ADGSOM-ATRC work cycle 2024 dan untuk membincangkan inisiatif ADGSOM-ATRC yang baru bagi work cycle 2025.

Mesyuarat berkenaan turut membincangkan kemajuan yang telah dicapai dalam melaksanakan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 (ADM2025) dan cadangan-cadangan yang digariskan di bawah ADM2025

Mid Term Review serta persediaan untuk 2nd ADGSOM-ATRC Leaders Retreat yang dijadualkan untuk diadakan pada akhir tahun ini.

Sebelum mesyuarat tersebut berlangsung, perwakilan negara-negara ahli ASEAN telah menghadiri mesyuarat ASEAN Network Security Action Council (ANSAC), yang bertanggungjawab terhadap menyelaraskan aktiviti-aktiviti kerjasama berkaitan keselamatan siber ASEAN dalam sektor digital serta Mesyuarat Sub-Working Group on Spectrum Management (SSM) dan Bengkel ASEAN SSM - GSMA Spectrum yang antara lain membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan spektrum bagi ASEAN.

Program Literasi Penerangan : Platform bariga dasar, aktiviti kerajaan



PEMANGKU Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiyat Nur Aqilah binti Haji Jaman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maksud rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi belia Daerah Brunei dan Muara selama dua hari bermula dari 25 hingga 26 Jun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan program berkenaan, Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiyat Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Majlis berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Program Literasi Penerangan bagi belia Daerah Brunei dan Muara kali ini disertai oleh 34 mahasiswa dan mahasiswi dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Pengerusi Program, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim dalam ucapan alu-aluan pada majlis berkenaan menyatakan program tersebut merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government yang antara lain diharasukan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta

memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jaya.

Beliau berhasrat program berkenaan dapat meningkatkan lagi kesedaran para peserta tentang betapa pentingnya peranan belia dalam membangun negara dan berharap ia memberi pulangan yang positif selain menerima ilmu, maklumat dan kemahiran yang baharu, para belia diharap akan berkembang untuk lebih siap siaga menghadapi cabaran dan menyahut gagasan untuk menjadi belia yang cemerlang dan berwawasan dalam melibatkan diri secara menyeluruh dalam semua peringkat masyarakat.

Sepanjang program dua hari berkenaan, para peserta program didekah dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep keterangkuman (*inclusivity*) melalui pengisian taklimat, aktiviti dan lawatan yang diaturkan.

Atur cara program hari pertama dimulakan dengan lawatan ke Institusi Penjara Wanita, Jerudong, dengan para peserta berpeluang mendengarkan mengenai sejarah penjara wanita dan program-program reintegrasi bagi rakan seliaan.

Seterusnya pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan taklimat bertajuk 'AI Security Risks : What You Need to Know' yang disampaikan oleh Cybersecurity

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Awareness Trainer, Cyber Security Brunei, Dayang Siti Nor Izuana binti Ayob.

Para peserta juga mendengarkan taklimat bertajuk 'Aspirasi Belia' daripada Urus Setia Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) yang disampaikan oleh Pegawai Urus Setia DBNS, Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian; dan Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Muhammad Amirul Syazmie bin Ibrahim.

Turut dikongsikan ialah mengenai aplikasi 'Mengalinga' yang disampaikan oleh Pengawas Pergerakan-pergerakan Belia dan Sukan, Dayang Norulhoda binti Muhammad Iskandar.

Dalam pada itu, Jabatan Penerangan dalam merealisasikan visinya 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' sentiasa mempelbagaikan platform pemberitaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan serta terus berusaha untuk menyebarkan maklumat seluas yang mungkin dan sentiasa dikemas kini agar tetap relevan dan memenuhi keperluan dari semasa ke semasa.



ANTARA penyampai taklimat pada program tersebut.

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 17 Jun, 1964

“BUAH PAOH DELIMA BATU-BUAH RENGAS LAMBONG2AN-DAGANG JAUH BERIBU BATU-MENDO’AKAN BRUNEI SENANTIASA AMAN”— TITAH D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah di-ra'ikan oleh Kerajaan Brunei di-satu majlis santapan sa-bagai tanda menguchapkan selamat sempurna keberangkaran Kabawah Duli Yang Maha Mulia melawat ka-negeri2 di-seluroh dunia dan selamat kembali ka-Tanah Ayer.

Majlis itu telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 10 Jun, 1964 dan di-hadhiri oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Chateria2; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pegawai2 Kanan Kerajaan, para pembesar negara dan lain2-nya.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah bertitah di-majlis tersebut, manakala Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, selaku Timbalan Sultan, telah beruchap bagi pehak Kerajaan Brunei di-majlis tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan ba-chaan do'a selamat oleh Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Titah uchapan Duli Yang Maha Mulia dengan sa-penohnya ada-lah di-siarkan di-bawah ini :

“Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, sebagai Timbalan Sultan bagi pehak Kerajaan, saya menguchapkan berbanyak shukor ka-hadrat tohan Allah Subahanahu Wata’ala yang memberikan hidayah dan mengizinkan kita di-sini mengadakan perjumpaan dalam jamuan yang sangat2 permai dan indah pada malam ini. Dan saya juga menguchapkan Alham Dulillah di atas puji2an Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan bagi pehak Kerajaan terhadap saya pada malam ini.

Sabener-nya lawatan saya meninggalkan Negeri Brunei selama dua bulan ia-itu ada-lah semata2 lawatan tidak resmi. Dalam lawatan itu pun saya sukachita di-tiap2 negeri yang saya lawati di-tiap2 negeri yang saya lawati suka berpeluang berjumpha dan atau bertemu dengan pembesar2 dan pemimpin2 negara yang tersebut supaya dapat menghubungkan tali perhubungan berbaik2, saling mengerti dan faham-memahami di-antara negeri2 itu dengan Negeri Brunei yang sangat kecil ini.

Alham Dulillah, satiap lawatan saya ka-negara2 dan benua2, saya dapat berpeluang menemui

dan berjumpa pembesar2 di-sana bagi menyatakan keadaan yang mana ada-lah Brunei sabuah negeri yang kecil yang kebanyakkan negeri luar tidak begitu mengenal, tetapi dengan perjumpaan itu dapat-lah saya membayangkan sedikit sebanyak mengenai perusahaan atau keadaan Negeri Brunei Darul Salam.

BERCHERAMAH

Sungoh pun negeri yang saya lawati ini baharu sahaja saya lawati pada pertama kali, akan tetapi saya menganggap pada diri saya tidak sebagai stranger atau orang pendatang, oleh kerana tiap2 negeri yang saya lawati itu ada-lah memberi layanan yang chukop dan mesra dengan suka bercheramah dan mengadakan pertanyaan satu2 daripada pertanyaan yang saya hadapkan pada-nya.

Saya dapat mengatakan atas lawatan saya ini sungoh pun begitu singkat tetapi sedikit seba-



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan melafadzkan titah uchapan Baginda di-Majlis Santapan yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 10 Jun, 1964.

nyak dapat-lah menyampaikan apa yang telah saya alami yang sudah2. Dan atas jamuan yang sangat2 permai pada malam ini sama-lah juga sebagaimana yang telah saya terima di-tempat2 yang lain di-negara2 dan dibenua yang saya lawati itu chukop memberi layanan dan sangat2 menarek hati.

Di atas lawatan saya ini juga kira-nya saya teringat daripada apa juga pendapat saya sama ada dalam pemerhatian, pandangan dan penyiasatan, sekira-nya saya fikir sesuai dan lebih berfaedah untuk negeri ini, saya akan chuba membayangkan kapada Kerajaan Negeri Brunei supaya dapat di-pertimbangkan.

Tuan2 sekalian, shukor Alhamdulillah saya dan juga rombongan selamat tiba di-Brunei da-

lam keadaan sehat semua-nya dan tidak pula berselesel dari pada hari dan hanya jauh yang saya katakan ia-itu menurut schedule ranchangan, saya dan rombongan akan sampai pada pukul 1.00 atau lebih sedikit, tetapi oleh kerana keadaan chucha dan sedikit kerosakan pada kapal terbang, terpaksa kapal terbang itu balek ka-Singapura. Dan oleh yang demikian ada-lah mengambil masa sehingga malam semalam baharu-lah di-takdirkan tohan saya dan rombongan sampai di-lapangan terbang Brunei.

Saya sungoh amat sukachita mengadakan lawatan ka-tiap2 negara dan ada layanan dari pada ketua2 negara negeri2 tersebut dan lebih2 lagi saya senantiasa teringat kapada Negeri Brunei, pegawai2 Kerajaan, pembesar2 negeri termasok ra’ayat sekalian ada-lah senantiasa terbayang dalam ingatan saya dan saya berdoa mudah2an akan nama Brunei Darul-Salam itu senantiasa berkekalan ia-itu di-dalam aman, tenteram dan sejahtera.

Duli Yang Maha Mulia telah mengakhiri titah uchapan Baginda dengan berpanton ia-itu :

Buah paoh delima batu,
Buah rengas lambong2an,
Dagang jauh beribu batu —
Mendo’akan Brunei senantiasa aman”.

MAJLIS SANTAPAN MERA’IKAN DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyerau Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir2, Yang Amat Mulia Chateria2 dan Menteri2 supaya sentiasa memberikan bantuan dan kerjasama dengan ikhlas dan jujur terhadap Baginda dan Kerajaan untuk menuju ka-arah kema’amoran, keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei Darul Salam.

Baginda telah melafadzkan titah demikian di-Majlis Santapan Keshukoran yang telah di-adakan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Chateria2 dan Menteri2 atas selamatnya Baginda berangkat mengelilingi dunia dan kembali ka-Tanah Ayer.

Majlis tersebut telah di-langsungkan di-Istana Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha pada malam 11 Jun.

Dalam titah Duli Yang Maha Mulia seterusnya Baginda bersabda bahawa dengan ada-nya persafahaman dan perpaduan serta ta’tat setia dengan kemahuan yang jujur, akan menjadi teras dan kekuatan bagi mencipta keamanan dan kema’amoran yang di-redzai Tuhan.

Pada melaksanakan dan membuat satu2 perusahaan yang benar2 berkebajikan itu nanti, Baginda berdo'a sa-moga sekalian

ra’ayat dan pendudok2 dalam negeri ini berkeadaan dalam “laila-bahagia”.

Terlebih dahulu uchapan kesukoran atas selamatnya Baginda dan rombongan kembali ka-Tanah Ayer telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyatakan ikrar Duli2 Wazir, Chateria2, Menteri2 dan sekalian orang2 yang bergelar akan sentiasa berada di-belakang Baginda dan Kerajaan dalam melaksanakan chita2 untuk kebahagiaan Negeri Brunei.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf dan kira2 200 orang para jemputan khas telah hadir di-majlis tersebut.

Pengumuman Pejabat

Tanah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai di-seluroh Negeri Brunei yang mempunyai geran tanah yang tidak kekal yang berdaftar di-Pejabat Tanah, Brunei/Muara ada-lah di-minta supaya membawa geran2 mereka ka-Pejabat tersebut tidak lewat dari 15 Julai, 1964.

Mereka juga di-naschatkan supaya membawa Sijil2 Kera’ayatan atau Surat Kebenaran tinggal di-Brunei jika ada. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Pejabat Tanah Brunei/Muara.

MEMPERKASA PENGUSAHA TEMPATAN TERAJUI MODEL PERNIAGAAN MAMPAAN



SESI bergambar ramai pada Bengkel Kesedaran mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance - ESG) bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Auditorium Utama, Bangunan Design and Technology, Anggerek Desa.

ANGGEREK DESA, Selasa, 25 Jun. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) dengan kerjasama TotalEnergies Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) menerusi Darussalam Enterprise (DARE) buat julung kalinya mengadakan Bengkel Kesedaran mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance - ESG) bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Auditorium Utama, Bangunan Design and Technology, Anggerek Desa hari ini.

Pemangku Pengarah Wawasan Brunei, JPM, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, selaku Ketua Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs, semasa Majlis Pembukaan Bengkel, merakamkan penghargaan atas kerjasama padu rakan-rakan strategik dalam meneruskan titik tolak langkah mengembangkan usaha-usaha pembangunan mampan.

Dalam ucapannya, beliau mengongsikan lebih daripada 97 peratus sektor perniagaan di Negara Brunei Darussalam terdiri daripada PMKS, dengan meningkatkan daya tahan PMKS adalah salah satu keutamaan pihak kerajaan dalam memastikan pertumbuhan jangka panjang selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya lagi, di dalam membentuk masa depan yang mampan, prinsip ESG adalah asas yang diperlukan bagi membina kedayaatahanan jangka panjang, terutama dalam mengharungi landskap global yang mencabar dan sukar untuk diramalkan.

Prinsip ini tambahnya, bukan sahaja menyentuh mengenai perlindungan alam sekitar, bahkan juga memastikan tadbir urus adalah teratur dan beretika di samping memupuk amalan inklusif, adil dan saksama.

Bengkel sehari yang dijalankan oleh United Nations Global Compact for Malaysia and Brunei Darussalam (UNGCMYB) membantu meningkatkan kesedaran para peserta tentang faedah amalan perniagaan yang mampan berdasarkan prinsip dan pendekatan amalan ESG.

Pelbagai aktiviti diadakan bagi melengkapkan PMKS dengan pengetahuan, sumber maklumat dan panduan untuk menilai prestasi

mampan yang sedia ada dan melakar matlamat mampan masa hadapan.

Dengan adanya bengkel berkenaan diharapkan menjadi pemangkin dan memperkasa lebih ramai pengusaha tempatan untuk menerajui model perniagaan mampan yang akan mendukung usaha negara dalam pelaksanaan Matlamat SDG Ke-12, iaitu Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab (Responsible Consumption and Production), selaras juga dengan usaha negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Manakala pada sebelah petang semasa sesi penutup, Ketua Pembangunan Digital dan Perniagaan Korporat, BIBD, Awang Haji Shamri bin Haji Mahali, dalam ucapannya menekankan bahawa komitmen terhadap membina ekosistem perniagaan yang mampan adalah penting untuk menjamin hasil kejayaan masa depan yang panjang.

Menurutnya, setiap perusahaan memainkan peranan signifikan dalam membentuk masa depan yang mampan.

Beliau juga turut mengongsikan antara inisiatif yang dilaksanakan BIBD termasuk menyediakan pilihan bagi pembiayaan hijau (green financing) insentif bagi mempraktikkan amalan mesra alam, menawarkan bimbingan panduan strategi perniagaan yang mampan dan menerapkan kaedah kemampaman dalam operasi perniagaan.

Jelasnya lagi, ini adalah bagi memastikan perusahaan-perusahaan berkembang maju di samping menyumbang secara positif terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Sesi diikuti dengan pelancaran ESG START Assessment, kaedah penilaian digital yang dihasilkan oleh UNGCMYB.

Dengan pelancaran berkenaan, sejumlah 1,000 organisasi termasuk PMKS tempatan akan dapat menilai tahap kesediaan ESG dan memahami langkah nilai tambah untuk menuju ke arah pembangunan mampan.

Bengkel berkenaan diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil dan Tanda Penghargaan kepada TotalEnergies Brunei, BIBD, BEDB dan UNGCMYB.

Untuk maklumat lanjut mengenai SDGs NBD, layari laman sesawang www.sdgbrunei.gov.bn dan ikuti di Instagram @sdg_brunei.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Pengarah Wawasan Brunei, JPM, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, selaku Ketua Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs semasa menyampaikan cenderahati kepada penerima.

Selera KAMPUNG Kitani

Sambal Sardin Kampung Sengkurong

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BAHAN-BAHAN :

1 tin Sardin (dilecek kasar jangan halus)
Air limau kasturi (secukup masam)
2 keping kulit limau kasturi (dihiris halus)

CARA MENYEDIAKAN :

Gaulkan semua bahan tadi bersama Sardin hingga sebatи. Kemudian masukkan garam dan serbuk perasa secukupnya



Hasilkan terbitan berkualiti

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Jabatan Penerangan

Ilustrasi : Seksyen Meja Reka Kreatif,

Bahagian Pelita Brunei

PENERBITAN konten-konten kini telah menjadi satu platform bagi menghasilkan kreativiti masing-masing untuk tontonan orang ramai di samping menjadi wadah ke arah menyalurkan maklumat yang berguna. Oleh itu, inisiatif yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) melalui Unit Pembangunan Industri Penyiaran dengan mengadakan Program Pitch and Produce merupakan satu peluang keemasan bagi syarikat penerbitan swasta tempatan untuk menghasilkan konten-konten yang berkualiti.

Pitch and Produce

Diadakan secara tahunan, program ini mula dilaksanakan pada tahun 2020 di mana melalui program ini skim pembiayaan diberikan kepada syarikat-syarikat penerbitan swasta tempatan untuk menerbitkan konten penyiaran. Program Pitch and Produce ini juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang menyertai program untuk bekerjasama dengan penyedia-penyedia

platform over-the-top (OTT) digital.

Program Pitch and Produce bertujuan untuk merangsang dan menyokong pertumbuhan perniagaan industri penyiaran dan multimedia tempatan. Melalui program ini, syarikat pengeluaran tempatan yang berminat akan menjalani sesi *pitching* dan penilaian oleh pakar industri tempatan. Calon yang berjaya akan diberikan pembiayaan untuk menghasilkan konten mereka dalam setiap pusingan.

Objektif

Dalam pada itu, program ini mempunyai beberapa objektifnya iaitu menggalakkan dan menyokong syarikat pengeluaran tempatan untuk memajukan konten tempatan yang lebih berkualiti merentasi pelbagai platform OTT; mewujudkan peluang pekerjaan untuk *freelancers* tempatan dalam industri penciptaan konten; menggalakkan syarikat penerbitan tempatan meneroka dan bekerjasama dengan perniagaan tempatan melalui penajaan dan penempatan produk. Selain itu, program ini juga mempunyai objektif untuk menarik para penonton agar menyokong konten tempatan dengan melihatnya melalui Video Langganan Atas Permintaan (Subscription Video on Demand

- SVOD) serta menggalakkan lebih ramai penonton tempatan agar menyokong konten tempatan dengan membayar dan berhenti dari memuat turun secara haram (*illegal downloading*).

Pencapaian

Sebanyak 40 produksi tempatan telah diberikan bantuan pembiayaan oleh AITI untuk menerbitkan kandungan TV berbentuk drama bersiri, filem, dokumentari, *travelogue*, *talk show* dan filem pendek telah disiarkan melalui RTBGo, Progresif Media dan stesen TV luar negara, iaitu TV Sarawak sejak program ini dilaksanakan. Para peserta yang mengikuti program ini juga diberikan peluang untuk menayangkan konten mereka di pangung wayang tempatan untuk tontonan orang ramai. Melalui inisiatif ini, lebih daripada 160 peluang pekerjaan telah dibuka kepada *freelancers* dan belia-belia tempatan yang terlibat dalam penghasilan konten-konten tersebut.

Kerjasama

Dalam menjayakan program ini, Radio Televisyen Brunei melalui RTBGo telah mula bekerjasama dengan AITI dalam menjayakan

projek ini sejak Pitch and Produce 2.0 iaitu pada tahun 2022. Untuk Pitch and Produce 4.0 ini pula, sebanyak tiga syarikat penerbitan tempatan iaitu Paperplane Media dengan tajuk 'Gadong'; ODD Box Media and Communications Sendirian Berhad dengan tajuk OBBY dan OneTeam Film Production dengan tajuk 'Ada Cerita Hantu' telah memilih platform RTBGo sebagai media untuk menyalurkan hasil terbitan mereka dalam projek ini. Tayangan siaran secara eksklusif daripada terbitan rancangan oleh tiga syarikat penerbitan swasta berkenaan telah mula disiarkan bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah lalu melalui platform RTBGo.

Manakala selebihnya pula telah memilih platform melalui Progresif Media.

Pihak AITI akan terus melaksanakan Pitch and Produce 5.0 dan penyertaan telah dibukakan kepada syarikat-syarikat penerbitan swasta untuk mengikuti projek tersebut bermula 11 hingga 28 Jun 2024. Semoga inisiatif yang dilaksanakan oleh AITI ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh peserta-peserta program dengan menghasilkan konten-konten berkualiti tinggi yang sekali gus menarik minat penonton tempatan untuk menyaksikan hasil terbitan anak-anak tempatan.



400 PEGAWAI POLIS KENYA BERLEPAS KE HAITI MENGETUAI MISI PBB

NAIROBI, 25 Jun. - Kontinjen 400 pegawai polis Kenya, kumpulan pertama daripada 1,000 anggota, berangkat dari ibu negara Nairobi awal Selasa untuk ke Haiti, lapor Agensi Anadolu (AA).

Para pegawai akan mengetuai usaha multinasional untuk memerangi kumpulan samseng yang berkuasa dan memulihkan ketenteraman di negara Caribbean itu.

Raja Maghribi arah bantuan perubatan kemanusiaan untuk Gaza

RABAT, 25 Jun. - Raja Maghribi Mohammed VI telah mengarahkan pelaksanaan operasi bantuan perubatan kemanusiaan untuk penduduk Palestin di Gaza, lapor agensi berita Maghreb Arabe Press (MAP) yang memetik Kementerian Luar Negeri, Kerjasama Afrika dan Ekspatriat Maghribi.

Bantuan itu terdiri daripada 40 tan produk perubatan, termasuk peralatan untuk merawat kecederaan luka terbakar serta kecemasan pembedahan dan traumatologi, serta ubat-ubatan penting untuk dewasa dan kanak-kanak, menurut kenyataan kementerian. Raja telah bersetuju untuk menanggung sebahagian besar daripada bantuan itu daripada dana peribadi baginda.

Bantuan Maghribi akan dihantar melalui laluan darat yang sama digunakan untuk operasi bantuan makanan yang dilaksanakan atas arahan baginda semasa Ramadan lepas. Operasi kemanusiaan berskala besar ini mencerminkan komitmen dan keprihatinan baginda terhadap perjuangan Palestin. - ©BERNAMA

New Zealand : Pencawang elektrik tumbang, 100 ribu kediaman terputus bekalan

WELLINGTON, 24 Jun. - Sekitar 100,000 kediaman terputus bekalan elektrik selepas sebuah pencawang di wilayah Northland, New Zealand tumbang pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Isnin.

Bekalan elektrik berjaya dipulihkan pada Ahad.

Ketua Pegawai Eksekutif Transpower, Alison Andrew berkata bahawa kru dari Omexom sedang menjalankan penyelenggaraan rutin pada plat asas ketika pencawang itu tumbang.

"Semua nat yang mengikat pencawang pada plat asas di tiga kaki telah dibuka, menyebabkan menara itu terangkat dari plat asas dan tumbang."

"Ia adalah kejadian yang luar biasa dan tidak dapat dibayangkan bahawa begitu banyak nat dibuka serentak," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata siasatan penuh telah dilancarkan.

"Kami bersyukur tiada yang cedera ketika kejadian, namun kegagalan untuk mengikuti prosedur menyebabkan gangguan kuasa yang signifikan hingga memberi kesan kepada penduduk Northland."

"Kami komited untuk belajar daripada kesilapan dan melaksanakan kawalan tambahan," kata Andrew.

Pekerja yang terlibat telah digantung tugas sementara menunggu hasil siasatan. - ©BERNAMA

Wanita diserang serigala di taman safari Perancis

PARIS, 24 Jun. - Seorang wanita telah diserang oleh beberapa ekor serigala dan mengalami kecederaan parah di taman safari terkenal Thoiry, di barat Paris, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Insiden berlaku pada pagi Ahad apabila wanita itu dikatakan memasuki kandang haiwan di zon safari semasa berjoging atas sebab yang belum dijelaskan, lapor akhbar harian Le Parisien dan lain-lain. Hanya pemandu kenderaan dibenarkan di situ, pejalan kaki dilarang masuk ke dalam kandang.

Taman Safari Thoiry, kira-kira 50 kilometer dari ibu kota Perancis, adalah antara yang tertua di Perancis. Ia meliputi kawasan seluas 150 hektar dan mempunyai sekitar 1,500 ekor haiwan daripada kira-kira 100 spesies.

Mangsa tinggal di sebuah pondok di taman itu. Nyawa wanita tersebut tidak dalam bahaya dan penjaga zoo dengan cepat memberikan bantuan, lapor saluran televisyen BFMTV, yang memetik kenyataan pihak zoo. - ©BERNAMA

Presiden William Ruto, semasa taklimat pra penempatan di Kolej Latihan Polis Pentadbiran di Embakasi, berkata "Kenya mempunyai rekod cemerlang dalam usaha pendamaian dan penyelesaian konflik di peringkat global. Kehadiran anggota polis kita di Haiti akan memberi kelegaan kepada lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang hidupnya terjejas akibat keganasan samseng."

"Kita akan bekerjasama dengan komuniti antarabangsa untuk membawa kestabilan yang berkekalan di Haiti," tambahnya.

Kerah tugas itu bermula beberapa minit selepas tengah malam di Kenya, di tengah-tengah peningkatan keganasan

dan ketidakstabilan politik di Haiti, dengan kumpulan samseng menguasai sebahagian besar ibu kota dan menewaskan pihak berkuasa tempatan. Misi itu disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan melibatkan sokongan daripada pelbagai pasukan antarabangsa.

Polis Kenya, yang terdiri daripada unit khusus seperti Unit Penempatan Segera (RDU) dan Unit Perkhidmatan Am (GSU), akan mengetuai Misi Sokongan Keselamatan Multinasional di Haiti iaitu pegawai dari negara lain juga akan turut serta.

Haiti telah lama bergelut dengan keganasan samseng dan ketidakstabilan politik. Keadaan

bertambah buruk dalam beberapa bulan kebelakangan ini, dengan penculikan, pembunuhan, rompakan bersenjata dan jenayah ganas lain menjadi kebiasaan. Haiti telah meminta bantuan antarabangsa untuk membantu memulihkan ketenteraman dan keselamatan.

Amerika Syarikat (AS) telah berjanji untuk menyediakan dana sebanyak US\$100 juta untuk misi yang diketuai PBB berkenaan jika diluluskan oleh Kongres dan beberapa negara lain termasuk Kanada, Jamaika dan Senegal telah menyatakan sokongan mereka terhadap inisiatif itu. - ©BERNAMA

Xi beri penekanan pentingnya pemodenan teknologi, inovasi

BEIJING, 25 Jun. - Presiden China Xi Jinping memberi penekanan kepada pentingnya pemodenan teknologi dan inovasi dalam mewujudkan modenisasi negara dan pembangunan berkualiti.

Beliau berkata modenisasi bercirikan China disokong oleh teknologi moden manakala pembangunan berkualiti dijana oleh momentum baharu yang lahir daripada inovasi.

"Hendaklah kita memahami peranan utama secara strategik serta sokongan asas yang dimainkan oleh sains dan teknologi. Usaha perlu diperkasa

untuk mengukuhkan reka bentuk peringkat atas dan perancangan keseluruhan serta mempercepat kemandirian dan swadaya sains dan teknologi pada peringkat lebih tinggi," ujar Xi.

Beliau menambah semuanya adalah untuk merealisasikan matlamat strategik berhubung pembinaan sebuah negara yang kuat dalam bidang sains dan teknologi menjelang 2035.

Persidangan sains dan teknologi kebangsaan, persidangan anugerah sains dan teknologi negara serta perhimpunan ahli Akademi Sains China (CAS) dan

Akademi Kejuruteraan China (CAE) diadakan di Beijing pada Isnin. Presiden Xi menghadiri persidangan berkenaan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Anugerah Sains dan Teknologi Tertinggi Negara.

Seiring dengan berlakunya revolusi teknologi pusingan baharu serta perkembangan mendalam transformasi perindustrian, Xi mengatakan bahawa China perlu meningkatkan lagi usaha dalam inovasi teknologi dan merebut peluang pembangunan baharu pada masa hadapan. - ©BERNAMA

Kebakaran kilang bateri di Korea Selatan rugut nyawa seorang pekerja, 21 terperangkap

SEOUL, 24 Jun. - Kebakaran berlaku di kilang pembuatan bateri utama di selatan Seoul pada Isnin, mengakibatkan sekurang-kurangnya seorang pekerja maut dan tiga lagi cedera, menurut pihak bomba yang dipetik oleh Yonhap.

Kebakaran bermula di kilang pengeluar bateri litium Aricell di Hwaseong, 45 kilometer di selatan Seoul, sekitar 10.30 pagi waktu tempatan. Usaha memadam kebakaran masih diteruskan pada awal petang.

Pekerja yang meninggal dunia dibawa ke hospital selepas mengalami serangan jantung manakala seorang lagi cedera

parah dan dua mengalami kecederaan ringan, menurut pihak bomba. Sekurang-kurangnya 21 lagi dipercayai masih terperangkap di dalam kilang.

Kebakaran dilaporkan bermula di bangunan tiga tingkat berstruktur konkrit bertetulang yang mempunyai keluasan lantai kira-kira 2,300 meter persegi.

Pihak bomba menghadapi kesukaran memadamkan kebakaran sepenuhnya kerana bateri litium yang terbakar sukar dikendalikan dengan kaedah pemadam kebakaran konvensional.

Seorang saksi yang mlarikan diri dari tingkat dua kilang itu

memberitahu Balai Bomba Hwaseong bahawa berlaku pembakaran eksplosif pada satu sel bateri semasa kebakaran.

Balai bomba menyatakan bahawa api merebak dengan cepat kerana sel bateri di dalamnya meletup secara berterusan, menyukarkan operasi mencari dan menyelamat di dalam kilang. Sekurang-kurangnya 35,000 bateri dipercayai berada di dalam kilang itu.

Ia menyatakan bahawa kira-kira 67 pekerja bertugas pada Isnin dan kini, 21 orang masih tidak dapat dikesan dan dihubungi, dengan kebimbangan akan lebih banyak korban jiwa. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan musnahkan Taman Negara Bromo Tengger Semeru Indonesia

JAKARTA, 24 Jun. - Kebakaran hutan telah memusnahkan sekurang-kurangnya 50 hektar tanah di Taman Negara Bromo Tengger Semeru di Jawa Timur sejak 18 Jun lalu, menurut Badan Pengurusan Bencana Negara (BNPB).

Usaha pemindahan dan langkah perlindungan untuk penduduk berhampiran Gunung Batok di Tosari, daerah Pasuruan berjaya dilaksanakan dan tiada kemalangan jiwai dilaporkan.

"Kepulan asap masih kelihatan di sebelah barat Gunung Batok,

tetapi kebakaran kini terkawal," kata jurucakap agensi itu Abdul Muhairi dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau mengesahkan tiada titik panas dikesan di Gunung Batok menerusi laman sesawang 'SiPongi' yang merupakan sumber utama maklumat kebakaran hutan dan tanah Indonesia.

Pasukan bomba turut giat membuat rondaan di kawasan itu bagi memantau keadaan dan mencegah kemunculan titik panas baru.

Pihak berkuasa kini sedang

menyiasat bagi menentukan sama ada punca kebakaran disebabkan manusia atau semula jadi.

Abdul Muhairi berkata api merebak pantas susulan musim kemarau yang berlanjut, menjelaskan beberapa kawasan termasuk Mororejo, Podokoyo, dan Kandangsari sejak ia bermula sekitar 5.30 petang waktu tempatan.

Menurut Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan, terdapat pengurangan sebanyak 31 peratus kebakaran hutan dan tanah berbanding 2019. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

ATLET CEMERLANG TERIMA PENGHARGAAN



MAJLIS Penghargaan dan Penyampaian Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) berlangsung di Mulia Hotel dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

ANGGEREK DESA, Selasa, 25 Jun. - Seramai empat atlet Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) menerima hadiah Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 (ASEAN School Games - ASG13) bagi Tahun 2024 yang diadakan di Da Nang, Viet Nam pada 1 hingga 9 Jun 2024 lalu.

Majlis Penghargaan dan Penyampaian IKS yang dikendalikan oleh Jabatan

Pendidikan Kokurikulum melalui MS SSBD tersebut berlangsung di Mulia Hotel dan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Awang Azinuddin bin Md. Azree dari Sekolah Sukan berjaya memenangi pingat perak dalam sukan pencak silat bagi Acara Tanding Lelaki Kelas 'C', manakala Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohammad Fauzi juga dari Sekolah Sukan berjaya memenangi pingat gangsa bagi Acara Silat Tunggal Putri.

Sementara itu, Hayley Wong dari Sekolah

Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna memecahkan rekod kebangsaan dalam Acara 50 Meter Renang Gaya Bebas (50m Freestyle) dan Abdullah Abbas bin Awang Abdullah memecahkan rekod kebangsaan dalam Acara 3,000m Olahraga.

Penghargaan ini diberikan kepada ahli kontinen iaitu para atlet-pelajar termasuk pengurus pasukan, jurulatih dan pegawai-pegawai yang telah memberi sumbangan dan berjaya mendapat pencapaian yang membanggakan sepanjang ASG13 di Da Nang, Viet Nam yang lalu.

Antara tujuan utama majlis tersebut adalah untuk memberi penghargaan kepada atlet-pelajar, pengurus pasukan, jurulatih dan pegawai-pegawai atas pencapaian cemerlang dalam kejohanan tersebut serta sebagai motivasi serta penyuntik semangat kepada para atlet-pelajar dan pelajar-pelajar lain untuk bergiat aktif dalam menyertai kejohanan-kejohanan seperti ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, para ibu bapa dan penjaga atlet-pelajar.

Sertai IBTE Charity Walkathon 2024


Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Ihsan Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sukacita mengumumkan penganjuran IBTE Charity Walkathon 2024, iaitu sebuah acara komuniti yang kini dibuka penyertaannya kepada orang ramai.

Acara berkenaan akan diadakan pada Ahad, 30 Jun 2024, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

IBTE Charity Walkathon 2024 berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan komuniti IBTE dan orang ramai untuk sama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti berjalan kaki yang menyeronokkan sejauh 3.2 kilometer sambil menikmati suasana indah di sekitar Bandar Seri Begawan.

Untuk maklumat lanjut, kunjungi laman sesawang ibte.edu.bn, Instagram @ibteignite atau Facebook @brunei.technical.education.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ISI MASA DENGAN AMALAN YANG BERFAEDAH